

15 SEP 2003  
Mahathir-PAS

PELUANG UMNO CERAH ATASI PAS DI KELANTAN PADA PILIHAN RAYA AKAN DATANG,  
KATA DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 15 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno Kelantan mempunyai peluang cerah untuk memenangi semula kerajaan negeri itu pada pilihan raya umum akan datang sekiranya ia dapat mengeksploitasi kelemahan ketara PAS sekarang.

Perdana Menteri berkata kelemahan PAS ialah parti itu sering mungkir janji dan ia juga kekeringan isu.

"La ni, (sekarang ini) dia kata dia tak payah cerita apa jenis negara Islam yang dia hendak (bentuk), hak kita punya (kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam sekarang), dia kata tak betul, tak tahu lah apa (bentuk) dia punya negara Islam," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan di sini, sempena lawatan rasmi seharusnya ke Kelantan hari ini.

Dr Mahathir berkata Umno Kelantan boleh mencapai kejayaan gemilang sekiranya pemimpinnya menghayati amanat beliau supaya mereka benar-benar berpegang kepada prinsip perjuangan Umno, dan "InsyaAllah akan berjaya".

Beliau berkata PAS tidak ada isu untuk menentang Umno termasuk untuk mempertikaikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam kerana negara luar mengaku Malaysia adalah sebuah negara Islam.

"Dunia iktiraf Malaysia bukan sahaja negara Islam tetapi sebagai negara contoh bagi negara Islam.

"Tetapi PAS dia ada tafsiran lain, Sheikh Al-Azhar (Dr Sayed Mohamad Tantawi) pun tak sebegitu hebat macam Hadi (Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang). Sepatutnya Hadi jadi khalifah di dunia," katanya.

Baru-baru ini Hadi mempertikaikan kewibawaan Dr Tantawi, yang mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam, kononnya kerana Sheikh Al-Azhar itu dilantik oleh kerajaan Mesir dan bukan oleh ulama-ulama Universiti Al-Azhar.

Perdana Menteri berkata kedudukan Umno di Kelantan juga makin baik kerana perpaduan di kalangan pemimpinnya kian mantap serta berdasarkan pengalamannya sendiri disambut meriah oleh rakyat Kelantan semasa lawatan ke negeri itu kali ini.

"Pada lawatan ini, saya nampak banyak orang, semua lambai kepada saya. Saya percaya ada sikit nak kacau-kacau, nak menjerit, tetapi yang lain menyokong kuat," katanya.

Dr Mahathir melahirkan rasa sedih kerana semasa di akhir kepimpinannya sebagai Perdana Menteri sebelum melepaskan jawatan parti dan kerajaan bulan depan, Kelantan masih gagal ditadbir dengan baik.

"Saya sedih kerana Kelantan mempunyai orang Melayu yang cukup bijak dan cukup rajin dan cukup berkebolehan. Dalam pejabat saya habis jawatan dia ambil kerana di Kelantan tiada kerja.

"Kebanyakan pegawai dan kebanyakan peniaga yang berjaya semuanya dari Kelantan, malangnya negeri Kelantan sendiri dia tidak dapat tadbir. Itu yang saya sedih," katanya.

Berhubung keyakinan PAS memenangi lebih banyak kerusi Parlimen pada pilihan raya akan datang, Dr Mahathir berkata: "Dia (PAS) selalu ramal hendak menang banyak kerusi.

"Pada 1999, dia tumpang orang bermasalah, dia gunakan orang itu, dia pacu betul-betul hingga dia menang, orang tu pula kalah, padan muka orang itu," katanya.

Mengenai hasrat kerajaan PAS Kelantan untuk menubuhkan sebuah universiti di negeri itu, Perdana Menteri berkata beliau tidak yakin parti

itu dapat menubuhkannya.

"Saya tak yakin sebab dia sendiri pun tak ada moral, dia sembah tuhan maha samseng, macam mana kita hendak terima dia. Dia kata tuhan mencarut, kalau dia anggap tuhan mencarut dan (wakil rakyat PAS dan penulis, Datuk) Shahnnon Ahmad pun mencarut, maknanya di universiti dia, penuntut-penuntutnya akan mencarut, tiada moral lah," katanya.

Berhubung isu bekalan air bersih di Kelantan, Dr Mahathir memberi jaminan bahawa kerajaan pusat akan terus berusaha memastikan rakyat Kelantan menikmati bekalan air bersih walaupun negeri itu diperintah oleh PAS.

Beliau kecewa dengan sikap pemimpin PAS negeri itu yang sanggup mengaku kepada rakyat bahawa parti itu yang bertanggungjawab memberikan kemudahan itu sedangkan kerajaan pusat yang banyak membantu.

"Orang lain yang bagi, orang lain yang mengaku dia buat," katanya.

Kerajaan pusat memberikan geran khas berjumlah RM600 juta kepada Kelantan beberapa tahun lepas bagi meningkatkan mutu bekalan air negeri itu selepas rakyat Kelantan mengadu gagal mendapatkan bekalan air paip berikutan tekanan air rendah.

-- BERNAMA

RAR ERE MAI